

03 SEP 1996

Sarawak-Hantu (Bergambar)

AWASI KEMUNCULAN "HANTU BANGKIT" POLITIK, KATA ABDUL TAIB

KUCHING, 3 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud meminta rakyat Sarawak berwaspada terhadap kemunculan "hantu bangkit" politik dalam pilihan raya negeri hujung minggu ini.

Katanya seperti dalam cerita dongeng rakyat Sarawak, cara untuk mengelak kehadiran hantu bangkit ialah dengan mencucuk jarum di satu sudut rumah mereka.

"Cuci rumah supaya bersih agar hantu bangkit yang berbau busuk ini takut menghampiri rumah kita," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas analogi yang sering beliau gunakan dalam menyifatkan kehadiran bekas tokoh politik yang dikatakan memainkan peranan di belakang beberapa calon bebas dalam pilihan raya kali ini.

Beliau sebelum itu merasmikan pelancaran Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 peringkat negeri Sarawak di sini yang turut dihadiri Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg.

Cerita mengenai hantu bangkit menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat negeri ini terutama di luar bandar satu masa dahulu yang percaya bahawa ada sesetengah orang daripada keturunan tertentu yang meninggal dunia boleh bangkit dari kubur selepas beberapa hari dikebumikan.

Katanya, tokoh-tokoh hantu bangkit seperti itu tidak lagi boleh diterima rakyat tetapi masih cergas dalam politik secara di belakang tabir.

Apabila ditanya sama ada Barisan Nasional (BN) negeri yang beliau sebagai pengerusinya, takut akan kehadiran hantu bangkit itu, beliau berkata tidak ada apa yang perlu ditakuti.

"Cuma yang bahayanya ia boleh mempengaruhi rakyat dan ini tentunya tidak baik," katanya.

Mengenai sama ada kerajaan negeri akan memperkenalkan skim yang serupa dengan ASW 2020, melalui skim Amanah Saham Sarawak (Assar), Abdul Taib berkata cadangan itu akan dipertimbangkan.

Katanya konsep ASW 2020 memang baik tetapi kerajaan tidak akan memperkenalkan skim seperti itu dalam masa dua atau tiga tahun akan datang kerana mahu melihat ASW 2020 mendapat momentum yang baik terlebih dahulu.

Skim ASW 2020 yang ditubuhkan khas untuk generasi muda semua kaum berumur antara 12 dan 29 tahun, mula menjual unit sahamnya semalam.

Ia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas di Kuala Lumpur dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) diberi tanggungjawab untuk mengurus tabung itu di samping Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB). -- BERNAMA

OPP NMO